

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 5 PETANG - 15 JULAI

15/7/1983

- S: DATUK, MENTERI KEWANGAN TELAH MEMBAYANGKAN KERAJAAN MUNGKIN MENGURANGKAN LAGI PERBELANJAAN. MEMANDANGKAN CUMA BEBERAPA BULAN SAHAJA SEBELUM BELANJAWAN DIUMUMKAN, ADAKAH INI MUNGKIN BERLAKU DISEBABKAN KEADAAN EKONOMI SEKARANG DAN PEMULIHAN LEMBAB EKONOMI DUNIA?
- J: JIKA MENTERI KEWANGAN MENYATKAN DEMIKIAN, BELIAU MUNGKIN MEMPU- NYAI SEBAB BAIK UNTUK MEMOTONG LAGI BELANJAWAN. SEPERTI YANG SAYA JELASKAN TADI, PERBELANJAAN KITA TELAH BEGITU MENINGKAT. KINI KITA PERLU MENTADBILKAN PERBELANJAAN DARI SEGI PENGLIBATAN KERAJAAN ATAU SEKTOR AWAM. TETAPI, BAGI NEGARA KESELURUHAN, KITA MUNGKIN MEMBELANJAKAN JUMLAH WANG YANG SAMA. IA CUMA MERUPA- KAN PEMINDAHAN BEBAN KERAJAAN KEPADA SEKTOR SWASTA.
- S: MEMANDANGKAN KESULITAN KEWANGAN YANG BERTERUSAN, TIDAKLAH LEBIH BAIK KITA MEMBERIKAN PERHATIAN KEPADA JENIS PEMBANGUNAN YANG LEBIH MURAH? NAMPAKNYA KITA BEGITU BIASA DENGAN MENDIRIKAN BANGUNAN YANG MEWAH DENGAN MENGGUNAKAN KONKRIT. TIDAKKAH LEBIH BAIK KITA MENGAMALKAN CARA PEMBINAAN YANG TIDAK BEGITU MAHAL?
- J: INI SOALAN LAMA--BAHAWA KITA HARUS KEMBALI KEPADA RUMAH-RUMAH PAPAN. RUMAH PAPAN, TERUTAMA MASAKINI, TIDAK TINGGI KOSNYA, KURANG DARIPADA RUMAH KONKRIT. BAGAIMANAPUN, IA MEMERLUKAN PEKERJA LEBIH MAHIR DAN BUKAN MUDAH UNTUK DIBINA.
--LAGI 0900/AN

ZCZC B518

MAHATHIR-TERURAMAH (EKONOMI) 2 KUALA LUMPUR

KINI KITA MEMPUNYAI KEUPAYAAN TERTENTU DARI SEGI PERUMAHAN KONKRIT PASANGSIAP. MUNGKIN IA LEBIH MURAH. APA YANG KAMI CUBA SEKARANG IALAH MENGHALUSKAN CARA-CARA PEMBINAAN YANG LEBIH MURAH DARIPADA KAEDAH SEKARANG. KITA MUNGKIN BOLEH MELAKUKAN INI.

ANDA MUNGKIN MAKLUM BAHAWA DI JOHOR DAN KEDAH, KONTRAK BAGI MEMBINA SEKOLAH, 40 HINGGA 50 DI SETIAP NEGERI, TELAH DIBERIKAN KEPADA SEBUAH SYARIKAT YANG KHUSUS DALAM BIDANG PASANGSIAP. DENGAN CARA INI, KOS DAPAT DIKURANGKAN KERANA PASANGSIAP DAN PENGE- LUARAN BERKELOMPOK DIREKABENTUK UNTUK MENGURANGKAN KOS. DAN BANGUNAN LEBIH TAHAN, MUNGKIN LEBIH SELESA.

KAMI MASIH MENGAJAI KAEQAH BARU PEMBINAAN UNTUK MENGURANGKAN KOS. DALAM SETENGAH-SETENGAH KES, JIKA KAMI MENDAPATI SESUATU PROJEK TIDAK PERLU, KAMI AKAN MEMBATALKANNYA. YANG MANA KAMI BOLEH MENGURANGKAN KOS, KAMI AKAN MENGURANGKAN YANG MANA KAMI BOLEH TANGGUH, KAMI AKAN TANGGUHKAN, YANG MANA KAMI BOLEH PERLAHANKAN, KAMI AKAN PERLAHAN- KAN. INILAH CARANYA KAMI MENGENDALIKAN MAASALAH INI.
--BERNAMA 0904/AN